

GARIS PANDUAN KEPADA CALON KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

Penilaian Tahap Kecekapan TK1, TK2 dan TK3

1. Penilaian Pemahaman

Calon dikehendaki menjawab 25 soalan objektif dalam tempoh 30 minit yang merangkumi sukatan yang telah ditetapkan mengikut agensi bagi menguji tahap kemahiran dan pengetahuan calon dalam bidang kerja masing-masing.

2. Penilaian Dalam Kumpulan

Calon dikehendaki menyediakan kertas kerja di dalam kumpulan yang telah ditetapkan mengikut agensi berdasarkan satu (1) kajian kes yang diberi oleh Pegawai Penilai dalam tempoh satu jam. Ia kemudiannya disusuli oleh satu sesi soal jawab antara calon dan pegawai penilai dalam masa setengah jam. Penilaian ini akan dilakukan selama 2 sesi masing-masing di dalam Komponen Generik dan Fungsional dengan tahap kesukaran soalan yang berbeza. Penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian di dalam kumpulan dan individu dan mengikut standard garis panduan daripada pihak JPA. Kriteria penilaian adalah seperti di bawah:

Penilaian Kumpulan	Penilaian Individu
Isu Kandungan Perbincangan	Penampilan
Kebolehan Menyelesaikan Kes	Pengetahuan
Kerjasama Berpasukan	Komunikasi
Pengurusan Kumpulan	Respons kepada perbincangan
	Keyakinan diri
	Kefahaman Aplikasi
	Pengurusan Masa

3. Temuduga Berkumpulan

Calon-calon akan ditemuduga oleh panel daripada agensi masing-masing secara berkumpulan. 3 orang calon (maksimum) akan ditemuduga dalam satu sesi dalam tempoh kira-kira 15 hingga 20 minit. Penilaian akan dibuat berdasarkan kemampuan calon menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada pengetahuan calon di dalam aspek-aspek generik dan fungsional seperti di dalam sukatan penilaian. Penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian di dalam kumpulan dan individu dan mengikut standard garis panduan daripada pihak JPA. Kriteria penilaian adalah seperti di bawah:

Penilaian Kumpulan	Penilaian Individu
Kebolehan Menyelesaikan masalah	Komunikasi
Kerjasama di dalam kumpulan	Respons kepada soalan

	Keyakinan diri
	Pengetahuan
	Kefahaman Aplikasi
	Penampilan
	Sikap Individu

Penilaian Tahap Kecekapan TK4

1. Penilaian Pemahaman

Calon dikehendaki menjawab 4 soalan dalam tempoh 1½ jam dalam Komponen Generik manakala 5 soalan dalam tempoh 2 jam di dalam Komponen Fungsional yang merangkumi sukatan yang telah ditetapkan mengikut agensi bagi menguji tahap kemahiran dan pengetahuan calon dalam bidang kerja masing-masing.

2 Penilaian Dalam Kumpulan

Calon dikehendaki menyediakan kertas kerja di dalam kumpulan yang telah ditetapkan mengikut agensi berdasarkan satu (1) kajian kes yang diberi oleh Pegawai Penilai dalam tempoh satu jam. Ia kemudiannya disusuli oleh satu sesi soal jawab antara calon dan pegawai penilai dalam masa setengah jam. Penilaian ini akan dibuat sebanyak 2 sesi di dalam Komponen Generik sahaja

manakala hanya satu sesi di Komponen Fungsional. Penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian di dalam kumpulan dan individu dan mengikut standard garis panduan daripada pihak JPA. Kriteria penilaian adalah seperti di bawah:

Penilaian Kumpulan	Penilaian Individu
Isu Kandungan Perbincangan	Penampilan
Kebolehan Menyelesaikan Kes	Pengetahuan
Kerjasama Berpasukan	Komunikasi
Pengurusan Kumpulan	Respons kepada perbincangan
	Keyakinan diri
	Kefahaman Aplikasi
	Pengurusan Masa

3 Penilaian Pengurusan Kerja

Calon dikehendaki membentangkan Sasaran Kerja Tahunan dan Senarai tugas secara individu. Setiap calon diperuntukkan sebanyak 15 minit termasuk sesi soal jawab. Penilaian akan dibuat berdasarkan sejauhmana calon memahami tugas dan peranannya dan ketepatan menjawab soalan yang diajukan oleh panel. Penilaian akan dibuat hanya di Komponen Fungsional sahaja.

4 **Temuduga berkumpulan**

Calon-calon akan ditemuduga oleh panel daripada agensi masing-masing secara berkumpulan. 3 orang calon akan ditemuduga dalam satu sesi dalam tempoh kira-kira 15 hingga 20 minit. Penilaian akan dibuat berdasarkan kemampuan calon menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Penilaian ini hanya akan dilakukan di Komponen Generik sahaja. Penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian di dalam kumpulan dan individu dan mengikut standard garis panduan daripada pihak JPA. Kriteria penilaian adalah seperti di bawah:

Penilaian Kumpulan	Penilaian Individu
Kebolehan Menyelesaikan masalah	Komunikasi
Kerjasama di dalam kumpulan	Respons kepada soalan
	Keyakinan diri
	Pengetahuan
	Kefahaman Aplikasi
	Penampilan
	Sikap Individu